

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Kit.31 (42)  
Tarikh : 4 Jun 2014

**Ketua Pengarang  
Sinar Harian**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "STATUS AGAMA  
WANITA DIRAGUI " BERTARIKH 02 JUN 2014, ISNIN – M.S: 2 (NASIONAL)**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu Puan Zarena Abdul Majid yang melangsungkan perkahwinan mengikut adat Hindu ditahan oleh pihak berkuasa JAIS.

3. Untuk makluman, pihak JPN telah mendapatkan pengesahan daripada pihak JAIS berkaitan maklumat Puan Zarena Abdul Majid. Hasil semakan mendapati Puan Zarena Abdul Majid tidak pernah mengemukakan permohonan pindaan butiran pada kad pengenalan seperti yang didakwa. Ingin dijelaskan jua, syarat permohonan pindaan butiran dalam kad pengenalan perlu mengemukakan dokumen seperti kad pengenalan pemohon, sijil kelahiran, akuan bersumpah berkaitan permohonan yang dipohon dan Perintah Mahkamah Syariah bagi permohonan pertukaran agama daripada Islam kepada bukan Islam dan pertukaran nama Islam kepada nama bukan Islam.

4. Sehubungan dengan itu, pihak JPN sedia memberi kerjasama sekiranya pihak Puan Zarena Abdul Majid hadir ke JPN untuk mengemukakan permohonan pindaan butiran dalam kad pengenalan dengan membawa semua dokumen berkaitan untuk menyokong permohonan beliau.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

**Pejabat Perhubungan Awam,**

b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:

1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)